

30 OCT 2000

MT-Umno

DR MAHATHIR MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MT

KUALA LUMPUR, 30 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno yang dijangka membincangkan secara terperinci cadangan pindaan terhadap perlembagaan parti.

Mesyuarat itu yang berlangsung di Ibu Pejabat Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini bermula kira-kira pukul 3 petang.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, pulang tengah hari ini dari lawatan dua hari ke Brunei. Beliau sebelum itu berada di Hong Kong untuk berucap mengenai masa depan Asia pada majlis anjuran Asia Society.

Antara cadangan yang diutarakan anggota peringkat akar umbi seperti yang dikumpulkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pindaan Perlembagaan Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin ialah supaya pemilihan MT diadakan mengikut penggal Dewan Rakyat.

Ini bermakna ia diadakan empat atau lima tahun sekali berbanding tiga tahun yang diamalkan sekarang.

Cadangan pindaan lain ialah supaya pemilihan MT dibuat di peringkat bahagian dan bukannya pada perhimpunan agung Umno; pemansuhan sistem kuota pencalonan untuk bertanding MT; mempermudah proses penerimaan dan kelulusan anggota dan had umur keanggotaan dikurangkan kepada 16 tahun berbanding 18 tahun sekarang.

Satu perkara lain yang dijangka dibincangkan secara mendalam ialah struktur penubuhan Puteri Umno yang bertujuan menarik penyertaan lebih banyak golongan muda dalam perjuangan parti.

Ini berikutan wujudnya pelbagai pendapat mengenainya sehinggakan mesyuarat MT terdahulu pada 16 Okt lepas mengeluarkan kenyataan bahawa penubuhan Puteri Umno bukan untuk menggantikan Pergerakan Wanita dan MT menghargai sumbangan Wanita dalam perjuangan parti.

Segala cadangan pindaan yang dipersetujui MT akan dibentangkan pada Perhimpunan Agung khas Umno pada 18 Nov ini.

-- BERNAMA

MAM AZZ AKD